

CNS7361

U ZB 14-06 00169 PE311

RENCANA BERNAMA

(Embargo: Untuk siaran pada selepas Isnin, 17 Jun)

WAWASAN 2020: MEMPERTINGKAT KEMAKMURAN

DAN MENENTANG UGUTAN NEGARA-NEGARA YANG RAKUS

Oleh Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR: Di sana sini orang bercakap mengenainya. Di pejabat, kedai kopi, stesen bas dan teksi, radio, televisyen dan ratusan tempat lain.

Baik menteri atau pemandunya, penjual suratkhbar, peniaga runcit, guru dan anak muridnya, kakitangan kerajaan serta swasta dan suri rumah tidak putus-putus menyebut nombor itu. +2020+.

Ada juga yang beria-ia untuk menempah nombor tersebut bagi plet kereta. Lebih jauh dari itu ada yang mengharap nombor +WDM 2020+ kerana mahu mengaitkannya sebagai +Wawasan Dr Mahathir 2020+.

Apakah +Wawasan 2020+?. Ia adalah cita-cita dan tekad para pemimpin negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang kemakmurannya dinikmati oleh seluruh rakyat.

Negara juga berazam untuk tidak membiarkan lagi dirinya dijadikan alat mainan atau peras-ugut oleh negara-negara lain yang besar dan rakus. Malaysia tidak harus lagi mengikut telunjuk mereka. -- lagi

♥14/06/11-18MST

CNS7362

U ZB 14-06 00165 PE312

Wawasan 2 Rencana Bernama

Bagi kebanyakan orang, wawasan itu merupakan satu lagi cetusan pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pasukannya untuk menggerakkan rakyat ke arah pembangunan.

Sejak beliau mula memegang jawatan Perdana Menteri, hampir 10 tahun lepas, pada 16 Julai 1981, telah kita saksikan dan alami pelbagai program seperti Dasar Pandang Ke Timur, Kepimpinan Melalui Teladan, pentadbiran +Bersih, Cekap dan Amanah+, Persyarikatan Malaysia dan sebagainya.

Ramai yang memuji rancangan terbaru ini tetapi tidak kurang yang menganggap wawasan itu sebagai satu khayalan yang tidak mungkin kesampaian.

Sepertimana banyak pihak yang bersenda bila kerajaan mengumumkan langkah mengeluarkan kereta nasional -- Proton Saga --, begitu jugalah halnya sekarang apabila kita mengorak langkah menjadi sebuah negara maju.

+Sebenarnya ini bukanlah sesuatu yang dicipta dengan begitu sahaja tetapi kita telah sama-sama menolong mencipta matlamat 2020,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir dalam satu perjumpaan untuk menerangkan perkara itu dengan pelbagai lapisan masyarakat di Seremban. -- lagi

♥14/06/11-18MST

### Wawasan 3 Rencana Bernama

Wawasan itu merupakan usaha bersama setiap rakyat kerana merekalah yang menentukan jaya atau gagalannya. Untuk mengharapkan seseorang atau kerajaan sahaja memikul tanggungjawab itu tentulah amat berat.

Landasan untuk menjayakannya telah kita bentuk melalui keupayaan mentadbirkan negara, menjalin perpaduan kaum dan meningkatkan pembangunan dalam masa yang singkat sejak kita mencapai kemerdekaan 34 tahun dahulu.

Keupayaan kita itu malah lebih baik dan berkesan daripada penjajah Barat yang memerintah negara ini selama beratus-ratus tahun.

Hakikat itulah yang giat dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam majlis perjumpaan dengan orang ramai sama ada di kampung atau di bandar bahawa kita mempunyai tanggungjawab masing-masing ke arah mencapai cita-cita itu.

Jika tidak berkesempatan berjumpa sendiri dengan masyarakat, Perdana Menteri memanjangkan gesaan itu menerusi kata-kata aluan dalam buku cenderamata. -- lagi

♥14/06/11-18MST

U ZB 14-06 00138 PE314

### Wawasan 4 Rencana Bernama

+Kalau kita tidak majukan diri kita, maka kita akan ditindas oleh orang lain. Inilah hakikat dalam dunia, kita tak dapat menolak,+ katanya.

+Hari inipun ada percubaan untuk menindas kita...kuasa-kuasa besar memberi kata dua kepada kita, jangan buat itu, jangan buat ini seolah-olah kita masih menjadi tanah jajahan mereka.

+Tetapi kalau kita menjadi negara maju, kita tidak akan ditindas oleh pihak-pihak lain...tidak akan ada sesiapa yang cuba mengugut atau menindas kita.

+Sebab itu menjadi negara maju adalah penting bagi kita dan kita boleh mencapai matlamat itu dalam masa 30 tahun, insyAllah.

+Tetapi untuk mencapai matlamat itu, bukan setakat mengharapkan kerajaan berbuat itu dan ini....kita perlu kerjasama...semua pihak, swasta, peniaga, pengusaha, pekerja, orang ramai, petani...semuanya,+ kata Perdana Menteri dalam banyak perjumpaan. -- lagi

♥14/06/11-19MST

U ZB 14-06 00193 PE315

### Wawasan 5 Rencana Bernama

Beliau kerap kali menyedarkan rakyat bahawa tidaklah mustahil bagi satu-satu bangsa yang dianggap mundur boleh menjadi maju manakala bangsa yang mempunyai tamadun dan pengaruh yang luas boleh pula runtuh dan lenyap entah ke mana.

Yang mustahak ialah kita bangun dari tidur pada pagi 1 Januari 2020 dan melihat Malaysia muncul sebagai negara maju - duduk sama rendah dan tegak sama tinggi dalam barisan negara-negara maju yang lain. Untuk itu, usahanya harus dimulakan sekarang.

Pokok pangkalnya ialah keyakinan setiap daripada kita untuk maju dan berjaya seperti bangsa-bangsa lain yang berjaya di dunia.

Sekiranya Jepun boleh bangkit daripada keruntuhan Perang Dunia Kedua untuk menjadi sebuah negara yang maju dan mampu pula menguasai ekonomi dunia termasuk di Amerika Syarikat -- negara yang mengalahkannya dalam peperangan itu, Malaysia juga boleh.

+Kita harus ingat orang Jepun dahulu sama dengan orang kita. Sebenarnya selepas Perang Dunia Kedua, orang-orang Malaya lebih kaya daripada orang-orang Jepun tetapi sekarang mereka lebih kaya...bukan sahaja kekayaan wang dan akal fikiran tetapi kebolehan membuat sesuatu yang tidak boleh dibuat oleh pihak Barat,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir. -- lagi

CNS7366

U ZB 14-06 00157 PE316

#### Wawasan 6 Rencana Bernama

+Kalau orang Jepun boleh menguasai teknologi, apakah kita tak boleh? Apa kurangnya kita daripada orang Jepun, apakah dia ada tiga biji mata, lima telinga atau kepalanya jauh lebih besar daripada kita ..otak dia banyak...tidak, mereka sama dengan kita,+ katanya.

Jepun berjaya kerana rakyatnya mempunyai semangat, keyakinan dan berpandangan jauh dalam apa sahaja yang mereka lakukan.

Dengan kestabilan politik, Malaysia juga boleh menjadi negara maju melalui cara kita sendiri. Kita tidak perlu menjadi seperti 19 buah negara lain yang kini digelar sebagai negara maju di dunia.

Maju bukan bermakna kita harus mempunyai puluhan bangunan pencakar langit di Kuala Lumpur atau bandar-bandar besar yang lain di negara ini sedangkan di kampung-kampung penduduknya tinggal dalam rumah atap.

Negara maju yang kita idami juga bukanlah sebuah negara yang memberikan kebebasan mutlak kepada rakyatnya sehinggakan mereka boleh melakukan apa sahaja tanpa memperdulikan masyarakat. -- lagi

♥14/06/11-19MST

CNS7367

U ZB 14-06 00158 PE317

#### Wawasan 7 Rencana Bernama

- Berbogel tanpa larangan di khalayak, kebebasan untuk tidur bersama antara lelaki dan perempuan walaupun dalam usia yang mentah serta sentiasa sahaja membuat rusuhan untuk menuntut sesuatu sepertimana berlaku di negara-negara yang dikatakan maju itu, bukanlah nilai-nilai yang hendak kita pupuk.

Malaysia, sebagai negara maju, adalah Malaysia yang mempunyai penduduk yang yakin dengan kemampuan diri sendiri dan dapat menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.

Perasaan rendah diri terhadap sepertimana yang ditanam ke dalam jiwa penduduk negara ini semasa penjajahan oleh kuasa-kuasa Barat dahulu tidak harus lagi menular.

Kita harus lebih berani menyusun langkah untuk mencapai kejayaan tetapi setiap langkah itu hendaklah dibuat dengan nilai-nilai yang baik.

+Kita hendak mencari kejayaan tetapi mestilah dengan cara tertib, tersusun, cara yang diizinkan...bukan dengan cara nak samun, nak rompak, tipu orang, cepat kaya...kalau kita buat cara macam itu, kita tak akan berjaya,+ kata Perdana Menteri. -- lagi

♥14/06/11-19MST

CNS7368

U ZB 14-06 00158 PE318

### Wawasan 8 Rencana Bernama

Pada beliau, langkah kita samalah seperti cerita arnab dan kura-kura. Biarlah kita menjadi kura-kura sekarang kerana dengan langkah yang sedikit demi sedikit, kita akan sampai ke matlamat untuk melahirkan rakyat yang berjiwa besar dan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain.

Biarlah negara maju menganggap diri mereka sebagai arnab dan leka dengan apa yang mereka ada dan angkuh pula mendakwa sebagai jaguh di dunia.

Biarkan mereka +memejam mata dan tertidur+ kerana perlahan-lahan kita akan menyaingi mereka bekerja membangunkan negara dan menjadikan Malaysia maju, dengan cara kita sendiri.

+Kita boleh mencapai matlamat itu...yakinlah...tetapi kita mesti mendisiplinkan diri kita untuk bekerja ke arah itu,+ kata Perdana Menteri.

+Kita mesti fikir dengan lebih jauh, tidak untuk hari ini sahaja, tidak untuk esok atau setahun lagi...kita mesti fikir untuk anak cucu kita, untuk generasi akan datang supaya mereka tidak akan dihina seperti kita dihina.

-- lagi

♥14/06/11-20MST

CNS7369

U ZB 14-06 00161 PE319

### Wawasan 9 Rencana Bernama

Disebabkan tidak mempunyai ilmu dan kecekapan, ada yang masih memandang rendah kepada Malaysia, katanya.

+Kita tak hendak lagi dihina oleh sesiapa...kita hendak menjadi satu bangsa yang boleh berdiri tegap dan dihormati di seluruh dunia...inilah yang dikatakan wawasan 2020.

+Wawasan ini untuk semua, bukan untuk kerajaan, bukan untuk saya bahkan saya tidak akan adapun pada tahun 2020. Orang lain akan mendapat tempat ini... kita bukan hidup untuk menongkat langit, tak boleh, ini kita mesti terima,+ sudah beberapa kali beliau membuat pesanan itu dalam lawatannya sama ada ke barat, timur, utara atau selatan tanahair.

+Tetapi kita mesti bekerja walaupun bukan untuk kita. Amatlah tamak seseorang yang bekerja untuk kepentingan diri sahaja...kalau dia boleh merasa nikmatnya semasa dia hidup, dia akan bekerja.

+Kita mesti berusaha untuk anak cucu kita, kaum bangsa kita di masa depan...inilah wawasan 2020 dan kita semua akan mendapat banyak faedah,+ katanya. -- Bernama

♥14/06/11-20MST